

31/01/1997

3,000 ahli BN Kedah sambut PM

ALOR STAR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diberi sambutan meriah oleh Barisan Nasional (BN) Kedah setiba beliau untuk lawatan sehari di kawasan parlimen Kubang Pasu hari ini.

Kira-kira 3,000 ahli pelbagai parti BN lengkap dengan sepanduk menyambut ketibaan Dr Mahathir dan isteri di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, di sini kira-kira jam 3 petang.

Sambutan itu adalah sebagai penghargaan dan pengiktirafan kepada Dr Mahathir yang berjaya menarik pelabur menyertai projek Koridor Raya Multimedia (MSC) serta pemilihannya sebagai penerima Hadiah Antarabangsa Raja Faisal 1997 oleh Yayasan Raja Faisal, Arab Saudi, baru-baru ini.

Ia juga adalah sebagai penghargaan rakyat Kedah terhadap kejayaan Dr Mahathir mempromosi MSC di Amerika Syarikat dan Jepun baru-baru ini serta kejayaan mengumpulkan pakar serta tokoh teknologi maklumat terkenal antarabangsa menganggotai panel penasihat MSC.

Turut sama menyambut Dr Mahathir ialah Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid yang juga pengerusi BN negeri, semua Ahli Exco serta pemimpin parti komponen BN.

Berucap di majlis itu Dr Mahathir berkata, beliau terharu dengan sambutan berkenaan tetapi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli BN Kedah.

Beliau berkata, Hadiah Antarabangsa Raja Faisal bagi kategori sumbangan terhadap Islam yang diterimanya adalah pengiktirafan terhadap pembangunan agama Islam di negara ini.

Katanya, ia bukan untuk dirinya tetapi adalah untuk rakyat Malaysia keseluruhannya serta bukti bahawa kerajaan mentadbir negara ini secara adil walaupun rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

"Ini menunjukkan bahawa pemerintahan oleh kerajaan yang diterajui orang Islam boleh menentukan keadilan dan kejayaan ekapda semua pihak sehingga negara maju, progresif dan menjadi contoh negara maju lain, terutama negara Islam," katanya.

Mengenai MSC, Perdana Menteri berkata negara sedang memasuki era teknologi maklumat yang memerlukan semua golongan rakyat memiliki ilmu dan kemahiran dalam bidang itu.

Menurutnya, ia amat penting bagi memastikan negara dapat membangun kerana cara hidup dan bekerja akan dipengaruhi oleh maklumat yang disebar secara meluas.

"Jika kita tidak tahu mengguna dan menapis maklumat ini kita akan binasa dan tidak maju. Sebaliknya, jika kita faham cara penggunaannya, kita akan dapat banyak kebaikan dan kejayaan," katanya.

(END)